

## ga konsep diharapkan bawa kejayaan

B. Hartan (M)

MELALUI tiga konsep seni Silat Hulubalang — silat, silap dan silau, pengurus pasukan Melaka, Haji Sutin Mohd Ali berharap pasukannya dapat menguasai acara silat kembangan merebut Piala Hang Tuah dalam kejuaraan silat sedunia di Stadium Negara pada 2-9 Disember ini.

Acara seni silat kembangan ini akan disertai oleh lima pasukan tempatan yang sekadar mempersembahkan bunga-bunga seni yang akan dinilai untuk menentukan pemenang.

"Dari Melaka, kami akan mempamerkan seni Silat Hulubalang, yang pernah memenangi beberapa pertandingan peringkat negeri dan kebangsaan," kata Haji Sutin.

25 NOV 1987

### Kelemahan

'Silat' dalam silat ini bermakna seni yang akan dipersembahkan manakala 'silap' pula membawa maksud 'tangkap' iaitu untuk mencari kelemahan pihak lawan.

Manakala 'silau' dalam seni Silat Hulubalang ini pula bererti 'pukul' iaitu menumpaskan lawan dengan pukulan-pukulan yang tepat dan mantap.

Menurut jurulatih yang menjadi guru silat sejak 25 tahun lalu, pasukannya hanya diwakili oleh dua peserta dan senjata yang digunakan ialah senikata, kayu dan keris.

Lain-lain negeri yang mengambil bahagian ialah Perak, Johor, Terengganu dan Kelantan.



■ **BEGINI CARANYA...** pesilat Melaka gigih bertatih sebagai persiapan menghadapi acara Silat Kembangan.